

4 WANITA IKON CANTIK, SIHAT

Terpilih dalam pencarian duta jenama kesihatan, bantu sebar mesej kecantikan sebenar

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my

Apakah takrifan cantik yang sebenar? Sukar untuk memberikan pengertian khusus kerana kecantikan seorang adalah berbeza.

Walaupun secara umumnya ramai menjadikan ciri kulit cerah, mulus, bertubuh langsing, tinggi lampaui dan bermuka comel sebagai antara takrifan utama kecantikan.

Apa yang membuatkan seseorang wanita itu cantik? Banyak, antaranya keyakinan terhadap diri sendiri, kesungguhannya, sikap yang merendah diri dan bersopan santun, bijak berbicara dan mempunyai pengetahuan luas berkenaan hal semasa yang berkaitan banyak perkara – bukannya terhad kepada kecantikan, fesyen mahupun hiburan semata-mata.

Kecantikan itu bukan hanya dipandang luaran saja sebaliknya lahir daripada tubuh yang cergas dan minda yang positif selain bijak menguruskan tekanan hidup.

Guardian Malaysia baru-baru ini mengumumkan empat wanita Malaysia daripada barisan 16 peserta akhir sebagai The Face of Healthy Beauty merangkap duta jenamanya.

Dikenali sebagai yang pertama scumpamanya di Malaysia, pencarian itu terbuka kepada semua wanita Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas yang dinilai bukan saja kecantikan luaran sebaliknya merangkumi cara hidup sihat dan sikap positif.

Bagi keempat-empat wanita ini, Karyll Chee Kar Yee, 23; Nur Aimi Abdul Ghani, 31; Nurul Ezzaty Hasbullah, 23 dan Yasmin Khalid, 23, hidup mereka bakal berubah selepas dinobatkan sebagai wajah The Face of Healthy Beauty dan duta jenama Guardian.

Pengarah Pemasaran Asia Tenggara, Guardian Health and Beauty Sdn Bhd DY Cho berkata, pencarian Duta Jenama Guardian baru ini adalah pengalaman yang sangat bermakna buat syarikat itu kerana menemui begitu ramai wanita memberi inspirasi dan menepati kriteria pencarian iaitu Kecantikan Sihhat.

Katanya, semua pemenang adalah bukti



FINALIS bergambar kenangan.



KEHIDUPAN (dari kiri) Nur Aimi, Nurul Ezzaty, Karyll dan Yasmin bakal berubah.

falsafah jenama itu iaitu kesihatan yang baik adalah asas kepada kecantikan sebenar dan mereka akan membantu jenama itu menyebarkan mesej ini kepada pelanggan.

“Mereka adalah wanita yang menjalani kehidupan sepenuhnya dengan cara yang sihat dan memiliki stail tersendiri serta personaliti menarik.

“Malah mereka juga mempunyai sikap yang positif, mengutamakan kesihatan dan turut mementingkan penampilan diri sekali gus diangkat sebagai pemenang untuk menyebarkan mesej kecantikan dan kesihatan yang dibawa jenama ini,” tambahnya.

Lebih 1,100 penyertaan diterima sebelum melepasi 400 calon terpilih dan 100 peserta separuh akhir dari empat wilayah berbeza di Malaysia.

Setiap pemenang akan menandatangani kontrak setahun sebagai Duta Jenama Guardian beserta wang tunai bernilai RM10,000 dan bawcar Guardian bernilai RM10,000. Selain itu, RM5,000 turut diberikan setiap seorang untuk disumbangkan kepada organisasi amal pilihan mereka.

Mereka bakal menghiasi muka depan katalog Guardian dan beberapa jenama kolaborasi lain dan akan menerima produk sumbangan penaja.



NURUL Ezzaty memberikan penerangan kepada juri mengenai terarium yang dihasilkan.



SEORANG peserta menunjukkan terarium yang disiapkannya.